

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 13 TAHUN 1978

PENYELARASAN GAJI DAN KEMUDAHAN- KEMUDAHAN BAGI PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN YANG DITUKAR SEMENTARA/PINJAM DARI SEKIM PERKHIDMATAN SEMENANJUNG KE SEKIM PERKHIDMATAN SABAH/ SARAWAK BERIKUTAN DENGAN PERLAKSANAAN LAPURAN GAJI JAWATANKUASA KABINET.

Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 Tahun 1978 dan **Bil. 2 Tahun 1978** yang mengumumkan perlaksanaan Lapuran Gaji Jawatankuasa Kabinet di Negeri Sabah dan Sarawak telah tidak menyentuh tentang pegawai - pegawai Semenanjung yang ditukar sementara atau dipinjam di kedua-dua negeri itu. Surat Pekeliling ini bertujuan menerangkan kedudukan pegawai - pegawai ini, khususnya mereka yang bertugas di Sabah atau Sarawak secara pinjam / tukar sementara untuk mengisi :

- (i) jawatan yang dipersekutuan dan dibayar gaji mengikut sekim perkhidmatan Negeri Sabah atau Sarawak; atau
- (ii) jawatan Kerajaan Negeri dan dibayar gaji mengikut sekim perkhidmatan Negeri Sabah atau Sarawak.

2. Oleh kerana gaji jawatan hakiki yang disandang oleh pegawai - pegawai tersebut secara pinjaman / tukar sementara telah berubah mengikut gaji baharu Jawatankuasa Kabinet, maka pegawai - pegawai yang berkenaan bolehlah menerima gaji baharu jawatan - jawatan itu mengikut peraturan - peraturan di bawah ini :

(i) Gaji

- (a) Jika pegawai - pegawai dipinjam / tukar sementara kepada jawatan hakiki dan ditawarkan gaji jawatan itu, maka mereka bolehlah menerima gaji baharu untuk jawatan hakiki.
- (b) Jika pegawai - pegawai dipinjam / tukar sementara atas tanggagaji secara khas untuk penyandang dan tidak atas tanggagaji hakiki jawatan itu, maka pegawai, bolehlah menerima gaji atas

tanggagaji khas untuk penyandang dan tidak kepada tanggagaji hakiki jawatan itu.

- (c) Pemindaan kepada tanggagaji baharu serta kenaikan-kenaikan gaji bagi jawatan-jawatan pinjaman/tukar sementara hendaklah mengikut prinsip-prinsip dan sifir-sifir pemindahan di bawah **Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 Tahun 1978** dan **Bil. 2 Tahun 1978**.

(i) Kemudahan-kemudahan

Segala kemudahan-kemudahan bagi jawatan-jawatan pinjaman / tukar sementara yang layak diterima di bawah syarat-syarat pinjaman / tukar sementara, samada yang baru, yang telah diubah ataupun yang telah dihapuskan hendaklah mengikut kepada perbekalan-perbekalan dalam **Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 Tahun 1978, Bil. 2**

Tahun 1978 dan Bil. 5 Tahun 1978.

(iii) **Tunggakan**

- (a) Pegawai-pegawai adalah layak menerima tunggakan di atas gaji pinjaman/tukar sementara berdasarkan kepada perbezaan di antara gaji bersih dalam tanggagaji baharu dengan gaji bersih dalam tanggagaji lama.
- (b) Tarikh perkiraan tunggakan ialah dari 1.1.76 atau tarikh pegawai itu mula dipinjam / tukar sementara, mengikut mana terkemudian hingga 30.6.1977. Selepas 30.6.1977 bayaran tunggakan hendaklah tertakluk kepada **Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 14 Tahun 1977** iaitu segala bonus atau elaun bantuan khas yang dibayar hendaklah diambil kira dalam tunggakan.
- (c) Jika sekiranya tunggakan gaji hasil daripada perlaksanaan gaji baharu di Semenanjung Malaysia sudah dibayar **bagi tempoh pinjaman atau tukar sementara**, maka tunggakan yang sudah dibayar itu hendaklah diambil kira bagi menentukan tunggakan yang layak diterima bagi jawatan pinjarnan / tukar sementara ini. Misalnya, seorang pegawai PM Tingkatan Biasa telah dipinjamkan ke Negeri Sarawak pada 1.5.77 dan telah dibayar tunggakan gaji oleh Jabatan asalnya sehingga 1.7.77. Tunggakan yang telah dibayar bagi 1.5.77 hingga 1.7.77 itu hendaklah ditolak dari jumlah tunggakan yang patut diterimanya di bawah Surat Pekeliling ini. Contoh

¹ Dibatalkan oleh PP.3/83 berkuatkuasa pada 1 Mei 1983.

penyelaras dan tunggakan berpandukan prinsip di atas ditunjukan di **kembaran A** kepada Surat Pekeliling ini.

3. Pegawai-pegawai Semenanjung yang telah bertugas di Sabah dan Sarawak yang terjatuh di bawah definisi perenggan 1 di atas pada atau selepas 1.1.1976 dan seterusnya telah kembali ke perkhidmatan asal mereka sebelum kuatkuasa **Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 Tahun 1978** atau **Bil. 2 Tahun 1978** adalah juga layak menerima perubahan gaji ini bagi tempoh mereka berkhidmat di Sabah atau Sarawak mengikut prinsip yang disebutkan di atas.

4. Tunggakan gaji hendaklah dibayar oleh Jabatan yang membayar gaji pegawai yang terlibat semasa di dalam pinjaman / tukar sementara.

5. Sebarang kemosyikan yang timbul berbangkit dari Surat Pekeliling Perkhidmatan ini hendaklah dikemukakan kepada Bahagian Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam.

Saya yang menurut perintah,

(SHAMSUDIN BIN MD. DUBI),
Bahagian Perkhidmatan,
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia.

Jabatan Perkhidmatan Awam,

Malaysia.

9hb. Oktober, 1978.

Semua Ketua Setiausaha Kementerian.

Semua Ketua Jabatan Persekutuan.

Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah.

Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak.

Setiausaha Persekutuan Sabah.

Setiausaha, Persekutuan Sarawak.

KEMBARAN 'A' kepada
Surat
Pekeliling
Perkhidmatan
Bil. 13 Tahun 1978.

Contoh A

Y seorang pegawai P.T.D. Tingkatan Biasa telah ditukar sementara untuk mengisi jawatan Pengarah Pernbangunan Koperasi Sabah mulai 1.4.77 dengan dibayar gaji \$2,000/- sebulan. Tanggagaji baharu jawatan ini ialah \$2305x120=2425. Penyelarasan gaji Y adalah seperti berikut :-

	Sekarang	Harun	Baharu
*1.4.77	2000.00	2050.00	2305.00
1.3.88	(tarikh kenaikan gaji 2425.00 berubah mengikut Lampiran 'C' - <u>Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 Tahun 1978</u>)		2425.00
1.7.78			2425.00

Contoh B

M seorang Pegawai Pelajaran C2 telah dipinjamkan untuk bertugas di Sabah mulai 1.6.74 dengan dibayar gaji \$430/- dalam tanggagaji $310 \times 30 = 370 / 400 \times 30 = 550 / 580 \times 30 = 700 / 730 \times 30 = 880$. Tanggagaji baharu jawatan ini ialah $\$405 \times 30 = 465 / 495 \times 30 = 705 / 765 \times 40 = 1045$. Penyelarasan gaji M adalah seperti berikut :-

	Sekarang	Harun	Baharu
1.6.74	430.00	450.00	
1.6.75		480.00	
* 1.1.76		510.00	585.00
1.4.76	(tarikh kenaikan gaji berubah mengikut Lampiran 'C' - <u>Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 Tahun 1978</u>)		615.00
1.4.77		645.00	
1.4.78		675.00	
1.7.78		675.00	

* Tunggakan mula dibayar